



**JALANI LATIHAN...** antara mahasiswa yang mengikuti kursus boling ditawarkan USIM.

# Bantu siswa cergas, cerdas

Kursus boling USIM beri peluang pelajar capai kecemerlangan mental, fizikal

>>Oleh Baharom Ramli  
rencana@hmetro.com.my

**P**ENAWARAN boling sebagai kursus kokurikulum di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan adalah sesuatu yang unik berbanding universiti tempatan lain.

Populariti sukan itu di samping kemampuannya meningkatkan kemahiran insaniah dan ketahanan mental juga adalah faktor USIM menawarkan kursus berkenaan.

Ketua Unit Ko-Kurikulum USIM, Hisham Sabri, berkata sambutan diterima terhadap kursus itu amat memberangsangkan.

Menurutnya, kursus itu berupaya membantu mahasiswa mencapai keputusan peperiksaan yang baik selain meningkatkan kemampuan mental dan fizikal.

"Kursus ini memberi peluang mahasiswa memperoleh kredit cemerlang. Penawaran dibuat USIM bukanlah kerana suka-suka kerana pada masa sama, mempunyai nilai kredit iaitu dikira dalam penilaian akademik.

"Justeru, mereka bukan saja berpeluang menyihatkan badan tetapi boleh membantu mencapai keputusan cemerlang," katanya.



**Kursus ini memberi peluang mahasiswa memperoleh kredit cemerlang. Penawaran dibuat USIM bukanlah kerana suka-suka kerana pada masa sama, mempunyai nilai kredit iaitu dikira dalam penilaian akademik"**

>Hisham Sabri  
Ketua Unit Ko-Kurikulum USIM

Kursus yang diperkenalkan sejak penghujung 2005 itu hanya memperuntukkan 40 tempat untuk satu semester.

Menerusi kursus berkenaan, mahasiswa wajib menjalani latihan, teknik asas permainan undang-undang, perkiraan dan penganjuran kejohanan.

USIM yang dikenali juga sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (IKUM) sebelum dinaik taraf menjadi universiti penuh baru-baru ini, yakin penawaran kursus itu mampu memberi impak positif kepada mahasiswa.


"Ini satu sumbangan USIM dalam memartabatkan akademik dan sukan, sesuai

dengan hasrat universiti melahirkan golongan bella berkebolehan dalam semua bidang," katanya.

Mahasiswa, Hanisah Baharudin, berkata dia cukup teruja menyertai kursus berkenaan kerana berkeyakinan memperoleh pengalaman baru.

"Sebelum ini, saya mengangap boling hanya untuk golongan tertentu serta mudah dimainkan. Selepas mengambil kursus ini, tanggapan itu kurang tepat.

"Apapun, saya gembira menyertainya kerana selain mendapat pengalaman, ia menambahkan pengetahuan," katanya.



**AKSI...** mahasiswa menunjukkan kebolehan.

**BEGINI CARANYA...** jurulatih menunjukkan cara mengira skor.

## >Info

- > Kursus kokurikulum boling diperkenalkan di USIM pada 2005
- > Hanya 40 pelajar diambil untuk satu semester
- > Kursus ini turut mengambil kira dalam kredit akademik
- > Kursus mewajibkan mahasiswa wajib menjalani latihan, teknik asas permainan undang-undang, perkiraan dan penganjuran kejohanan.